



HASSANAL menerima anugerah.

Pensyarah UMS terima anugerah antarabangsa

UB 14.4.16 A9

KUALA LUMPUR: Pensyarah Kanan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) Dr Awangku Hassanal Bahar Pengiran Bagul, menerima anugerah antarabangsa The Golden Globe Tigers 2016: Anugerah Kepimpinan Kecemerlangan dalam Inovasi Sosial.

Hassanal terpilih menerima anugerah itu daripada Gabungan Perniagaan Asia atas penglibatannya dalam pelbagai program berkaitan dengan kemampuan seperti ekopelancongan berdasarkan komuniti dan yang terbaru

aktif dalam usaha ke arah kelestarian kampus UMS.

Beliau ketika ditemui berkata sangat terkejut pada awalnya kerana tidak pernah terlintas dalam fikiran untuk menjadi penerima anugerah berprestij dan bertaraf antarabangsa itu.

"Selamaini, saya melakukan usaha berkaitan dengan kelestarian ini dengan ikhlas dan saya tidak sangka usaha ini mendapat tumpuan.

"Saya berterima kasih kerana mempunyai rakan-rakan sekerja dan keluarga yang sentiasa menjadi pendorong agar sentiasa membuat yang terbaik dalam

pekerjaan. Terlebih lagi kepada pihak UMS di mana karier saya berkembang dan memajukan diri sekali gus medan memperlihatkan kemahiran dalam bidang saya," katanya.

Hassanal menerima anugerah itu dalam satu majlis di Pullman Kuala Lumpur City Centre Hotel and Residences, di sini Isnin lalu.

Anugerah dibawah kategori Inovasi Sosial itu mengiktiraf individu yang percaya bahawa kecemerlangan tidak mempunyai batas dan boleh membentuk takdir masa depan dunia.